

20 JAN 1997

Mahathir-MSC

SYARIKAT AMERIKA, JEPUN TUNJUK MINAT MELABUR DLM MSC, KATA DR MAHATHIR

Oleh: K.C. Leong

TOKYO, 20 Jan (Bernama) -- Lebih daripada 30 syarikat Amerika telah menunjukkan minat untuk melabur di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini bahawa sebilangan syarikat Jepun, termasuk syarikat gergasi Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT), juga membayangkan minat untuk melabur dalam MSC.

Dr Mahathir sebelum itu berucap pada persidangan pelabur-pelabur mengenai MSC dan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dua hala dengan para eksekutif terpenting daripada beberapa syarikat Jepun.

Beliau tiba di sini semalam dari California, di mana beliau menghabiskan minggu lalu untuk mendapatkan sokongan di kalangan syarikat hiburan dan multimedia Amerika untuk MSC. Beliau juga mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa mengenai MSC di Stanford University di Palo Alto, California.

Dr Mahathir berkata antara syarikat Amerika yang menyatakan minat untuk melabur dalam MSC termasuk di kalangan 30 anggota Panel Penasihat Antarabangsa itu manakala yang lain telah menemui beliau secara peribadi semasa beliau berada di Santa Clara, California.

Di Jepun, selain NTT, yang telah menasihati Malaysia dalam menyediakan asas untuk memulakan projek MSC yang mana Naib Presiden Eksekutif Kanannya Encik Noboru Miyawaki, adalah anggota panel itu, syarikat-syarikat lain yang wakilnya telah menemui beliau secara peribadi di sini hari ini juga menyatakan minat yang besar untuk melabur dalam MSC.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat Jepun diundang melabur di dalam MSC, sebuah zon seluas 50km kali 15km yang menghala ke selatan mulai Kuala Lumpur City Centre (KLCC) untuk menempatkan pejabat mereka di sana atau menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan atau beroperasi daripada MSC.

Beliau menyebut pembangunan dan pembekalan bahan-bahan pendidikan untuk kegunaan di "sekolah bestari" yang akan dimajukan di dalam MSC sebagai satu contoh jenis kegiatan yang beliau ingin lihat syarikat-syarikat Jepun terbabit di dalamnya.

Katanya terdapat banyak kegiatan yang syarikat-syarikat Jepun boleh sertai di dalam MSC.

Para wakil syarikat Jepun yang bercakap kepada beliau pagi ini telah menyatakan sokongan amat kuat kepada projek itu, kata Perdana Menteri.

"Mereka mendapati bahawa syarat-syarat, undang-undang, dasar-dasar dan juga amalan-amalan di dalam MSC adalah sesuai bagi penyertaan mereka," katanya.

Antara pegawai itu termasuk Presiden Tokyo Electric Power Co Ltd Hiroshi Araki, Presiden Japan International Development Organisation (Jaido) Koretsugu Kodama, Presiden dan Ketua Eksekutif Itochu Corporation Minoru Nurofushi, Pengerusi Sumitomo Corporation Tomiichi Akiyama dan Presiden Kenji Miyahara dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) Jun-ichiro Miyazu.

Ditanya mengenai nilai pelaburan yang dipertanggung jawabkan setakat ini, Dr Mahathir berkata adalah terlalu awal untuk menyatakan sebarang angka. Apa yang penting pada peringkat ini ialah bilangan syariakt yang amat menggalakkan yang telah membayangkan minat mereka untuk melabur di sana.

"Kita tahu banyak mana kita perlu labur dalam memajukan MSC tetapi

angka itu tidak penting. Apa yang penting ialah banyak mana syarikat akan masuk dan banyak syarikat telah menyatakan minat mereka," tambahnya.

"Banyak presiden (syarikat) telah menyatakan minat tetapi mereka tidak menyatakan di bidang mana mereka akan beroperasi dan sebanyak mana modal yang mereka bawa masuk.

"Berkenaan dengan syarikat-syarikat Amerika, kesemua syarikat menyatakan keinginan untuk menyertai. Di Jepun, pagi ini, beberapa wakil syarikat datang menemui saya tetapi sebelum itu terdapat banyak minat ditunjukkan oleh banyak syarikat Jepun."

Syarikat-syarikat Jepun itu dibawa masuk oleh NTT yang telah menunjukkan minat yang besar mulai daripada permulaan projek itu lagi, katanya.

Presiden NTT Encik Jun-ichiro Miyazu, yang turut hadir pada persidangan berita itu, berkata Dr Mahathir mengadakan "perbulan langsung" dengan para wakil banyak syarikat tekemuka di Jepun.

Sebelum itu, pada persidangan pelabur-pelabur, Dr Mahathir memberi taklimat mengenai kewajaran di sebalik MSC, prasarananya, undang-undang siber yang akan dikanunkan, galakan-galakan dan bil jaminan dan tujuh aplikasi syarikat yang akan dilancarkan dalam fasa pertama untuk memulakan MSC.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah memberi taklimat mengenai rancangan-rancangan terperinci yang sedang dirangka untuk menjadikan MSC tempat paling menarik di dunia di mana untuk menjalankan jenis perniagaan berteknologi tinggi yang diusahakan oleh Malaysia untuk membantu negara menuju Zaman Maklumat menjelang abad akan datang.

Para peserta pada persidangan itu, yang dianjurkan oleh NTT, termasuk para wakil daripada beberapa perbadanan terkemuka di Jepun seperti Sony Corp, Toshiba Corp, NEC Corp, Hitachi Ltd, Bank of Tokyo-Mitsubishi Ltd, Sumitomo Corp, Sharp Corp, Matsuhita Electric Industrial Co Ltd, Sega Enterprises Ltd, Mitsui Corp, Mitsubishi Corp, Marubeni Corp dan Fujitsu Ltd, Canon Inc., Furukawa Electric Co Ltd dan Ricoh Co. -- BERNAMA

LKC OS SIA